



**PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

KENYATAAN MEDIA

**KUOTA 30% WANITA DALAM POLITIK: MEMPERKUKUH
PERWAKILAN WANITA MELALUI PINDAAN UNDANG-UNDANG**

**JAWATANKUASA PILIHAN WANITA, KANAK-KANAK DAN
PEMBANGUNAN MASYARAKAT DEWAN RAKYAT PARLIMEN KE-15**

KUALA LUMPUR, 13 November 2025- Jawatankuasa Pilihan Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat, Dewan Rakyat hari ini telah menganjurkan Taklimat “Kuota 30% Wanita Dalam Politik: Memperkukuh Perwakilan Wanita Melalui Pindaan Undang-Undang” di Dewan Bankuet, Parlimen Malaysia.

Taklimat ini bertujuan memperkukuh kefahaman Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat terhadap keperluan melaksanakan kuota minimum 30% calon wanita dalam pilihan raya umum dan negeri, melalui pendekatan undang-undang yang lebih menyeluruh.

Pengerusi Jawatankuasa, YB Puan Yeo Bee Yin, dalam ucapan perasmiannya memaklumkan bahawa JKP Wanita telah mengadakan beberapa siri libat urus berhubung isu perwakilan wanita dalam politik, melibatkan pelbagai pihak termasuk ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Libat urus tersebut bertujuan meneliti model pelaksanaan kuota wanita di negara lain, memahami cabaran pelaksanaan dalam konteks Malaysia, serta menilai kesannya terhadap sistem demokrasi dan budaya politik nasional.

Berdasarkan sesi libat yang dijalankan menunjukkan bahawa sudah tiba masanya Malaysia melangkah ke hadapan dengan komitmen politik yang jelas untuk memperkukuh perwakilan wanita melalui pindaan undang-undang yang lebih tegas dan berkesan.

Matlamat usaha ini bukan semata-mata untuk meningkatkan bilangan wanita dalam politik, tetapi untuk memperkukuh asas demokrasi negara agar lebih inklusif, adil, dan mencerminkan kepelbagaian sebenar masyarakat Malaysia. Kehadiran wanita dalam kepimpinan membawa nilai tambah dalam pembuatan dasar, khususnya dalam bidang pendidikan, kesihatan, kebajikan sosial, ekonomi keluarga, dan keadilan sosial.

Penghargaan turut dirakamkan kepada Projek 30% dan *Fair Play Funding* atas kerjasama dan komitmen tinggi dalam penganjuran program ini, serta kepada semua peserta yang hadir bagi menyokong agenda pembaharuan politik yang lebih inklusif.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif berterusan Parlimen Malaysia melalui JKP Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat untuk memperkukuh dasar kesamarataan gender dan memperkasa peranan wanita dalam kepimpinan serta proses membuat keputusan di peringkat tertinggi negara.